

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN-KESALAHAN)
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Phg. P.U. 24

UNDANG-UNDANG KECIL UNDANG-UNDANG KECIL (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN-KESALAHAN)
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun
3. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran
4. Borang bagi tawaran mengkompaun

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN**UNDANG-UNDANG KECIL (PENGGOMPAUNAN KESALAHAN-KESALAHAN)
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan) (Lembaga Pembangunan Tioman) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun

2. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen **69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 107, 109, 140, 160 dan 161 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]**, boleh dikompaun oleh **Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha** atau mana-mana **Pegawai Undang-Undang Lembaga Pembangunan Tioman**.

(2) Kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil boleh dikompaun oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (1) atau oleh mana-mana Penolong Pegawai Undang-Undang, atau Pegawai Pendakwa atau **mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman**.

(3) Mana-mana pegawai yang disebutkan dalam perenggan (1) boleh, atas budi bicaranya, mengurangkan atau membatalkan kompaun yang telah dikeluarkan bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen-seksyen yang dinyatakan.

(4) Mana-mana pegawai yang disebutkan dalam perenggan (1) dan (2) boleh, atas budi bicaranya mengurangkan atau membatalkan kompaun yang telah dikeluarkan bagi mana-mana kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

3. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada **lima ratus ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah Akta itu** atau tidak boleh lebih daripada **dua ratus lima puluh ringgit jika kesalahan itu adalah di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil** yang dibuat di bawah Akta tersebut.

(2) Segala bentuk pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan **wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank, kad debit, kad kredit atau pembayaran dalam talian** yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja". Pembayaran juga **boleh dibuat melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan** oleh Lembaga Pembangunan Tioman dari semasa ke semasa.

(3) Pembayaran boleh diserahkan di pejabat Lembaga Pembangunan Tioman atau di mana-mana pejabat cawangan yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Tioman tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ia mestilah dialamatkan kepada Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dengan segera dimasukkan sebagai wang hasil Lembaga Pembangunan Tioman dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberikan tawaran mengkompaun.

Borang bagi tawaran mengkompaun

4. Borang dalam Jadual ini hendaklah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubah suai sebagaimana yang perlu.

JADUAL

[Undang-Undang Kecil 4]

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan
Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang berkaitan:
Tarikh: Waktu:
Tempat:

Butir-butir kesalahan:

.....
.....

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Pengkompunan Kesalahan-Kesalahan) (Lembaga Pembangunan Tioman) 2020, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak RM

3. Jika tawaran ini diterima, segala bentuk pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan wang tunai atau dengan kiriman wang/wangpos/pesanan juruwang/pesanan bank atau draf bank/kad debit/kad kredit atau pembayaran dalam talian yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja". Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Tioman dari semasa ke semasa.

4. Pembayaran yang dibuat melalui pos, hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Lembaga Pembangunan Tioman. Resit rasmi akan dikeluarkan selepas pembayaran.

5. Tawaran ini berkuat kuasa selama 7 hari dari tarikh ia dikeluarkan. Tawaran ini akan habis tempoh pada
Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, pendakwaan akan dijalankan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh:

*

**(untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangan)*

PENERIMAAN TAWARAN MENGGOMPAUN

Kepada:

Yang Dipertua,
Lembaga Pembangunan Tioman,
Kampung Tekek,
Pulau Tioman.

Saya merujuk kepada tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan dan bertarikh
Saya menerima tawaran tersebut dan disertakan bersama-sama ini wang tunai atau dengan kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank atau draf bank/kad debit atau pembayaran dalam talian No. sebanyak RM.(Ringgit Malaysia.) bagi menjelaskan bayaran kompaun ini.

Tandatangan:
Nama (Huruf Besar):
No. Kad Pengenalan:
Alamat:
Tarikh: